



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556  
Faks : 03-88915557  
Portal : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook : [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.44 (6)

Tarikh : 8 November 2014

## SIARAN MEDIA

### **NBOS: KEJIRANAN INDAH BAIK PULIH PARK BATU 1, JALAN TERAS 2, BENTONG, PAHANG DENGAN KOS RM2, 991,969 JUTA**

**BENTONG, 8 NOVEMBER 2014** - Y.Bhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyempurnakan Program Transformasi Sosial Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS7) Kejiranan Indah (*My Beautiful Neighbourhood*) pada pagi ini.

2. **Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS** adalah untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat melalui projek-projek di luar kebiasaan, dilaksanakan secara kerjasama rentas pelbagai Kementerian, Jabatan atau Agensi Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta pihak swasta. Matlamat NBOS, boleh diringkaskan dengan enam perkataan iaitu **kos rendah, berimpak tinggi dan pelaksanaan pantas**.

3. Bermula Julai 2012 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan NBOS Kejiranan Indah dan mulai Julai 2012 sehingga akhir tahun 2013. KPKT melalui NBOS Kejiranan Indah telah melaksanakan projek di 54 lokasi di seluruh Negara iaitu 29 Projek Kejiranan Indah Membaik Pulih kawasan perumahan awam dan 25 projek *House Build*, di mana anggota Bomba KPKT membina semula rumah terbakar untuk mangsa kebakaran yang miskin. Berdasarkan kejayaan dua (2) tahun yang lalu, pelaksanaan NBOS Kejiranan Indah pada tahun ini diteruskan dengan melaksanakan 20 Projek Kejiranan Indah membaik pulih kawasan perumahan dan 33 projek *House Build*.

4. PAKR Batu 1, Jalan Teras 2, Bentong merupakan satu daripada enam (6) perumahan awam di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang yang telah dibaik pulih di bawah inisiatif NBOS Kejiranan Indah pada tahun 2013 dengan kos sebanyak RM2,991,969.00.

5. Program Transformasi Sosial diperkenalkan adalah bertujuan untuk mencapai empat (4) objektif berikut :

- i. Mewujudkan kejiranan indah yang mampan dengan penglibatan masyarakat setempat terhadap program dan aktiviti yang dijalankan;
- ii. Mewujudkan nilai kebertanggungjawaban terhadap kawasan setempat meliputi aspek keselamatan, kebersihan dan keselamatan;
- iii. Memastikan kesejahteraan sosial dipupuk dalam nilai masyarakat setempat sebagai usaha meningkatkan kejiranan yang sejahtera, baik daripada segi fizikal, mental dan sosial; dan
- iv. Menggalakkan penyertaan penduduk dalam perancangan dan pelaksanaan program/ aktiviti kesukarelawan.

6. Lima (5) program utama yang boleh dilaksanakan di semua lokasi NBOS Kejiranan Indah dengan kolaborasi antara Jabatan di bawah KPKT dan Agensi lain antaranya Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat (BOMBA), Jabatan Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan 1M4U telah dikenal pasti KPKT bagi merealisasikan inisiatif baru ini seperti berikut:

- i. **Program Bandar Selamat** telah dilaksanakan untuk mengurangkan jenayah melalui aktiviti *omnipresence* dan rondaan keselamatan kolaborasi antara PDRM, RELA, JPAM dan Rukun Tetangga. Selain daripada itu, Program AMANITA yang terdiri daripada anggota polis wanita sebagai ahli akan diperkenalkan untuk menarik suri rumah sebagai **Rakan Amanita** untuk menjadi ‘mata dan telinga’ kepada pihak polis bagi menyalurkan maklumat kes jenayah yang berlaku;
- ii. **Program Bomba Komuniti** untuk memupuk kesedaran keselamatan kebakaran dan sebagai penyampai maklumat kecemasan kepada JBPM;
- iii. **Program Rakan Taman** juga telah diwujudkan di Rumah Pangsa ini untuk memupuk semangat kesukarelawanan dan dijadikan amalan bagi memelihara, menyelenggara dan mengawasi taman yang telah dinaik taraf;

iv. **Komuniti Kitar Semula** (*reduce, reuse dan recycle*) untuk meningkatkan kadar kitar semula dengan mencapai sasaran 22 peratus menjelang 2020. Bagi tujuan tersebut, pihak Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Awam (PPSPPA) dengan kerjasama pihak PBT akan membuat kutipan barangan kitar semula di PAKR Batu 1, Jalan Teras 2, Bentong secara berjadual;

v. **Program Kesihatan Persekitaran**, Jabatan Kerajaan Tempatan bersama Jabatan Kesihatan Negeri akan memperkenalkan dan melaksanakan program ***Communication for Behavioural Impact (COMBI)*** atau **komunikasi untuk perubahan tingkah laku**. Program *COMBI* adalah bertujuan untuk melibatkan masyarakat setempat dalam aktiviti-aktiviti pencegahan penyakit berjangkit khususnya demam denggi.

7. Kerajaan Persekutuan juga telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang tugas dan tanggungjawabnya seakan-akan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di luar bandar. Penubuhan JPP ini adalah berdasarkan kepada keperluan bagi mewujudkan struktur formal di bandar yang disertai oleh masyarakat setempat yang akan menggerakkan segala aktiviti di kawasan penempatan masing-masing serta dapat menyalurkan pandangan, cadangan dan isu-isu kesejahteraan bandar yang dihadapi oleh masyarakat setempat untuk diambil tindakan oleh Kerajaan Persekutuan. Sebanyak 21 zon JPP telah ditubuhkan di dalam kawasan Majlis Perbandaran Bentong yang mana setiap zon terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Setiausaha dan lapan (8) Ahli Jawatankuasa JPP. Dengan ini juga, dapat menggiatkan lagi Program Transformasi Sosial di Bentong bagi mewujudkan satu persekitaran yang dinamik, sejahtera dan makmur.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat sembilan (9) Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Landskap Negara, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : pro@kpkt.gov.my